



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PERANCANGAN STRATEGIK 2018

INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU




<https://inqka.uitm.edu.my/main>



<https://www.facebook.com/Institute-of-Quality-and-Knowledge-Advancement-Inqka>



<https://www.instagram.com/inqkauitm>



© Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penolong Naib Canselor, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Emel: inqka@salam.uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISSN 2636-977X

Penasihat : Prof Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Ketua Editor : Dr. Rasidah Hamid
Editor/Konsep Rekabentuk : Puan Noor Sazila Md Sarip
Rekabentuk Kulit : Encik Muhamad Zanjabil Mat Janum
Dicetak di Malaysia oleh : Unit Pusat Percetakan
Universiti Teknologi MARA
40450, Shah Alam
Selangor



KANDUNGAN

Pengenalan v

Prakata vi

Pengurusan **1**

Pentadbiran **2**

Sejarah InQKA **3**

Visi, Misi dan Dasar Kualiti UiTM **4**

Objektif InQKA **4**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015 - 2020 Kementerian Pendidikan Malaysia **5**

Agenda Utama Universiti **6**

11 Agenda UiTM di dalam Dokumen Rancangan Malaysia Ke-11 **7**

Tadbir Urus Kualiti UiTM **8**

Carta Organisasi InQKA 2018 **9**

Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats (SWOT) **10**

Perancangan Strategik InQKA **11**

Kerangka Perancangan Strategik InQKA **12**

Nota: RMK11 UiTM **13**

Pencapaian Perancangan Strategik InQKA 2017

Unit Web Media **15**

Unit Jaminan Kualiti Dalaman **16**

Unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi **17**

Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu **18**

Unit Pencapaian dan Penarafan **19**

Unit Inovasi dan Penilaian Kecemerlangan **20**

Unit Pentadbiran Am **21**

Perancangan Strategik InQKA 2018

Pejabat Penolong Naib Canselor **23**

Unit Web Media **24**

Unit Jaminan Kualiti Dalaman **25**

Unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi **26**

Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu **27**

Unit Pencapaian dan Penarafan **28**

Unit Inovasi dan Penilaian Kecemerlangan **29**

Unit Pentadbiran Am **30**

Mekanisma Pemantauan dan Pelaksanaan **31**

Rumusan **32**

PENGENALAN

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) ialah jabatan yang bertanggungjawab ke atas perihal kualiti di Universiti Teknologi MARA. Sebagai pusat pengurusan kualiti, InQKA mengurus serta menjadi pemangkin kepada aktiviti berkaitan kualiti yang dijalankan bukan sahaja di peringkat kampus induk dan fakulti di Shah Alam, waima di peringkat kampus negeri serta cawangannya, demi memastikan kepatuhan keseluruhan universiti kepada i) *Code of Practice for Institutional Audit* (COPIA), ii) *Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA), iii) Ketetapan badan-badan professional serta iv) Keperluan ISO 9001.

Meneruskan legasi jaminan kualiti, InQKA kekal bertindak sebagai penyelarar utama atau sekretariat universiti bagi urusan audit Pensijilan ISO 9001:2008 di peringkat korporat oleh badan pensijilan LRQA; menyelarar urusan penganugerahan kualiti di peringkat universiti iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), di samping meneruskan lain-lain portfolio berkaitan kualiti. InQKA memberi fokus kepada beberapa projek *Key Performance Indicators* (KPI) universiti yang bertujuan untuk i) menambahbaik proses di peringkat operasi bagi seluruh sistem UiTM melalui projek *Operational Excellence* (OE), ii) meningkatkan reputasi UiTM menerusi inisiatif penarafan universiti (QS dan THE), dan iii) Inisiatif ketampakan UiTM dipentas digitalisasi global menerusi Pemantapan Web Media UiTM.

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) diterajui oleh Penolong Naib Canselor, tiga (3) orang Pengarah iaitu Pengarah Web Media, Pengarah Jaminan Kualiti Dalam (IQA) dan Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi (SKKO). Dibantu oleh tujuh (7) orang Ketua iaitu Ketua Laman Web, Ketua Media Sosial, Ketua Akreditasi Program (Sains & Teknologi), Ketua Akreditasi (Sains Sosial), Ketua Komunikasi dan Pengembangan Ilmu, Ketua Pencapaian dan Penarafan dan Ketua Inovasi dan Kreativiti serta empat (4) orang Koordinator iaitu Koordinator Laman Web, Koordinator Media Sosial, Koordinator Pencapaian dan Penarafan dan Koordinator Inovasi dan Kreativiti. Disokong oleh staf pentadbiran terdiri daripada Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Setiausaha Pejabat, lima (5) orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, empat (4) orang Pegawai Eksekutif, seorang Penolong Pegawai Penerbitan dan seorang Penolong Pegawai Penyelidik serta disokong oleh seorang Pembantu Tadbir Kanan, empat (4) orang Pembantu Tadbir, dua (2) orang Pembantu Penerbitan dan seorang Pembantu Operasi.

PRAKATA

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, InQKA telah dapat menghasilkan Perancangan Strategik bagi tahun 2018 hingga 2020 yang mendokong 10 lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2020 (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perancangan Strategik Universiti Teknologi MARA.

Saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua staf InQKA dan juga jemputan yang terlibat dalam merancang dan menyumbang kepakaran bagi menyediakan Perancangan Strategik InQKA 2018-2020 ini.

InQKA menyokong penuh hasrat Universiti Teknologi MARA dan Kementerian Pendidikan Tinggi, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Justeru, penghasilan Perancangan Strategik InQKA 2018-2020 dengan menetapkan beberapa Teras, Objektif Strategik, Keberhasilan Utama dan Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah satu usaha yang seiring dengan matlamat UiTM dan negara dalam menuju wawasan 2020.

Kerjasama semua pihak adalah amat diperlukan serta komitmen yang tinggi perlu dizahirkan bagi menjayakan Perancangan Strategik InQKA 2018-2020 ini. Setiap lapisan staf perlu melaksanakan Petunjuk Prestasi Utama atau KPI yang telah ditetapkan. Usaha ini secara tidak langsung akan dapat merealisasikan halatuju InQKA untuk menjadi Peneraju Jaminan Kualiti bagi memenuhi visi UiTM untuk menjadi Universiti bertaraf dunia, cemerlang dalam kualiti akademik yang ditawarkan serta membudayakan kualiti dalam semua aspek kehidupan berlandaskan iman, taqwa dan tawadhu'.

Terima kasih.


YBhg. Prof Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Penolong Naib Canselor
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu
Universiti Teknologi MARA

PENGURUSAN



PENTADBIRAN

Pentadbiran InQKA diketuai oleh seorang Timbalan Pendaftar, seorang Penolong Pendaftar, seorang Sekretariat Pejabat, empat (4) Pegawai Eksekutif, lima (5) Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, seorang Penolong Pegawai Penerbitan, seorang Penolong Pegawai Penyelidik diperingkat eksekutif dan lima (5) Pembantu Tadbir, dua (2) Pembantu Penerbitan dan seorang Pembantu Operasi.



SEJARAH InQKA

Kualiti mula bertapak di Universiti Teknologi MARA sejak tahun 1994. Berbagai perubahan utama telah berlaku kepada InQKA sejak itu.

1994

Centre for Total Quality in Education (CTQE) ditubuhkan sebagai pemacu agenda kualiti di ITM agar lebih terarah. Pada masa yang sama Pusat Jaminan Kualiti yang berasingan telah diwujudkan.

2000

CTQE digantikan dengan Institut Pengembangan Ilmu (InKA) sebagai pencetus pergerakan pengurusan perubahan di UiTM.

2005

Perubahan dari InKA kepada Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) bagi menampakkan fokus ke arah pengurusan organisasi yang cemerlang melalui pembentukan Sistem Pengurusan Kualiti yang memenuhi kehendak semua pemegang taruh.

2010

InQKA dipertanggungjawabkan dengan pembangunan polisi dan pengurusan pelaksanaan jaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada keperluan dalaman dan luaran.

2018

InQKA berkembang selaras dengan Transformasi UiTM (Trans4U) dan menjadi pakar rujuk kualiti universiti dalaman dan luaran.

VISI, MISI DAN DASAR KUALITI UiTM

VISI UiTM:

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang professional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

MISI UiTM:

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program professional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

DASAR KUALITI UiTM:

UiTM komited untuk menguruskan universiti secara profesional demi melahirkan graduan bumiputera yang berdaya saing, global dan beretika serta sentiasa memenuhi keperluan pelanggan.

UiTM sentiasa meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem pengurusan kualiti melalui penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

OBJEKTIF InQKA

1. Menjadi gerbang penyebaran maklumat universiti melalui laman web dan media sosial UiTM
2. Memupuk budaya inovasi dan menghasilkan produk dan penerbitan ilmiah dari projek-projek kumpulan inovasi dan kreatif
3. Menjadikan InQKA sebagai pusat runding cara kualiti setempat bagi Pusat Tanggungjawab
4. Mengurus data strategik untuk meningkat penarafan UiTM dalam *QS World University Rankings*, *QS Asian University Rankings*, *Times Higher Education World University Rankings*, *Webometric*, SETARA dan D'SETARA
5. Memperkasakan Penilaian Kendiri setiap Pusat Tanggungjawab berpandukan Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu (*Integrated Quality Management System (IQMS)*) untuk memenuhi keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional yang diiktiraf.
6. Memupuk budaya kualiti cemerlang dalam semua aspek organisasi UiTM.
7. Mampu berperanan sebagai hab kualiti yang mantap serta diyakini.
8. Menghasilkan bahan informatif, bermutu tinggi dan bertahap profesional kearah pencapaian matlamat kualiti InQKA.
9. Menjadikan laman web dan media sosial InQKA sebagai medium dan wadah dalam meningkatkan kefahaman warga UiTM mengenai pengurusan kualiti cemerlang.

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PENGAJIAN TINGGI) 2015-2020

KEMENTERIAAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) atau PPPM (PT) 2015 – 2025 merupakan dokumen strategik yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, menggariskan hala tuju pendidikan tinggi negara untuk tempoh 11 tahun bermula 2015 sehingga 2025. Ia adalah kesinambungan daripada kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007 – 2020 serta penyelarasan PPPM (Prasekolah hingga Pendidikan Lepas Menengah) 2013 – 2025, yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara.

Pelan ini mengandungi 10 lonjakan iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang, Kecemerlangan Bakat, Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat, Graduan TVET Berkualiti, Kemampanan Kewangan, Pemantapan Tadbir Urus, Ekosistem Inovasi, Keunggulan Global, Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global dan Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi.

Lonjakan ini akan menyokong lima aspirasi sistem pendidikan yang memberi tumpuan kepada akses, equiti, kualiti, kecekapan dan perpaduan bagi memangkin transformasi dan ia boleh menentukan masa depan yang lebih cemerlang untuk negara Malaysia.



AGENDA UTAMA UNIVERSITI



Di dalam dokumen Perancangan dan Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh Universiti Teknologi MARA 2011 – 2015, Agenda Utama Universiti dibentuk bertujuan untuk memandu pengoperasian Model Hala Tuju Strategik UiTM: MDAB. Agenda Utama atau AU ini telah mengambil kira kesemua Projek Agenda Kritikal (CAPs) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Setiap AU mempunyai objektif strategik, strategi, petunjuk prestasi, VCSP dan inisiatif PTJ.

Terdapat 18 Agenda Utama Universiti yang telah dikenal pasti dan ia mencakupi aktiviti-aktiviti utama universiti seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, academia dan industry, kepimpinan dan keusahawanan. Setiap sasaran, teras dan sistem sokongan yang tertera dalam Model Hala Tuju Strategik UiTM: MDAB mempunyai perkaitan dengan 18 Agenda Utama Universiti.

Sebagai satu usaha kearah kelestarian, UiTM perlu melalui transformasi supaya kecemerlangan yang telah dicapai dapat dikekalkan dalam memberikan pendidikan yang berkualiti kepada jumlah pelajar yang semakin meningkat, iaitu kepada 200,000 pelajar sebagai menyahut aspirasi negara, serta dalam usaha memenuhi keperluan industri dan pihak berkepentingan. 11 punca dilihat sebagai pencetus transformasi UiTM iaitu:

11 AGENDA UiTM DI DALAM DOKUMEN RANCANGAN MALAYSIA KE 11 (RMK 11 2016-2020)




TADBIR URUS KUALITI UiTM

Berikutan program transformasi UiTM yang telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi pada bulan September 2015, InQKA juga melalui proses transformasi dengan memantapkan tadbir urus dan sistem bersepadu InQKA. Fungsi-fungsi sedia ada di InQKA semenjak tahun 2010 seperti Jaminan Kualiti dan Audit, Penilaian Kecemerlangan dan Penambahbaikan Kualiti ditambahbaik bagi menyokong peranan InQKA yang semakin penting.


Makmal governan UiTM telah melahirkan tadbir urus kualiti yang lebih mantap dan sistematik (lihat rajah Struktur Tadbir Urus Kualiti Universiti). Tadbir Urus Kualiti “1UiTM, Multisistem” mencerminkan sokongan pihak atasan UiTM dalam usaha memartabatkan kualiti dimana Jawatankuasa Utama Jaminan *Quality* (JKIUQ) akan mempengerusikan semua hal berkaitan jaminan kualiti dengan dua sayap utama – Jawatankuasa Inovasi dan Kreativiti. JKIUQ merangka dan membangunkan dasar-dasar yang berkaitan dengan pelaksanaan, komunikasi dan penyelenggaraan sistem pengurusan dan jaminan kualiti universiti. Kedua-dua jawatankuasa di bawah JKIUQ pula akan merancang, mengenalpasti, menyelarar dan melaksana aktiviti kualiti, amalan terbaik dan latihan terperinci dalam usaha mengukuhkan sistem kualiti UiTM.

STRUKTUR TADBIR URUS KUALITI UNIVERITI



CARTA ORGANISASI InQKA 2018

InQKA juga telah menetapkan hala tuju baharu untuk jangka masa lima (5) tahun bermula tahun 2016. Portfolio Sistem Pengurusan Kualiti digabungkan portfolio Penilaian Kendiri dan Audit dan Penilaian Kecemerlangan dan Amalan Terbaik. Manakala portfolio Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan Projek Khas bekerjasama dalam menghasilkan perancangan strategik ini. Portfolio Penerbitan, ICT dan Komunikasi bergabung tenaga dengan Jabatan Web Media UiTM dalam memantapkan lagi fungsi utama kedua-dua laman web dibawah seliaan portfolio ini sebagai medium penyebaran maklumat universiti. Terdapat satu inisiatif baharu di bawah pengurusan Penolong Naib Canselor InQKA iaitu Projek Penarafan Universiti bagi melancarkan lagi tugas pengurusan data strategik bagi tujuan projek penarafan.



STRENGTHS, WEAKNESSES, OPPORTUNITIES, THREATS (SWOT)

- Pasukan kerja sokongan berilmu, matang dan open minded
- Collaborative Partnership (Internal & External)
- Struktur Tadbirurus Kualiti Jelas
- Perancangan Jadual Aktiviti tahunan sebelum Januari
- Dipercayai, dihormati dan disanjung
- Daya Tahan Spiritual
- Gigih dan berdayatahan

KEKUATAN




PELUANG

- Status Swa Akreditasi
- ISO 9001:2015
- Bakat dari Fakulti/Kampus
- Kerjasama ILD/RIBU
- Kerjasama MyQAN (UA/US)
- Kerjasama MPQ (UA)
- MQA Training Centre
- Pasukan dari fakulti FSPU dan FKPM
- Menyediakan ruang Google Like Office untuk pasukan webmedia



STRENGTHS, WEAKNESSES, OPPORTUNITIES, THREATS (SWOT)



- Kerapuhan bakat
- Burn-out
- Kewujudan Digital
- Analytics
- Keyakinan Organisasi
- Pematuhan Prosedur Kewangan
- Belum Mantap
- Kemampuan membudayakan kualiti dan inovasi merentas sistem
- Office ambient (suasana kerja)

KELEMAHAN



THREATS

- Peruntukan agihan bajet PTJ menguncup 25% (kurang 175K)
- Kesukaran mendapatkan bakat mengisi kekosongan
- Kerapuhan skil Set Pasukan External Review /Internal Auditor/KUK/OE Trainers/Ranking Champion
- Memangkin budaya Penambahbaikan
- Proses melalui fasa 2 OE
- UiTM Adopting Flexible Education
- Content Developer for Web




PERANCANGAN STRATEGIK InQKA

InQKA berhasrat untuk menjadi peneraju jaminan kualiti pendidikan di Malaysia. Bagi mencapai hasrat tersebut, satu pelan strategik telah dirangka agar menjelang tahun 2020, InQKA dapat perancangan untuk memartabatkan InQKA sebagai peneraju kualiti dapat dicapai di samping mengekalkan sistem pengurusan kualiti dan menyokong inovasi dan kreativiti. Antara sasaran kecemerlangan universiti menjelang 2020 ialah perancangan strategik InQKA dirangka untuk dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun yang melibatkan tiga (3) fasa seperti berikut:-



Kerangka Perancangan Strategik InQKA

Perancangan strategik InQKA 2016-2020 berasaskan kepada empat (4) teras di dalam Peta Strategik UiTM. Bagi setiap objektif strategik, terdapat beberapa Keberhasilan Utama (*Key Result Areas*) dan Penunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*) yang diukur pencapaiannya secara berkala.



NOTA:RMK11 UiTM

PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

Objektif Strategik:

1. Menyediakan kurikulum dan pengalaman
2. Mempertingkatkan kepelbagaian pengalaman pembelajaran yang berkesan
3. Mempertingkatkan kemahiran dan kompetensi pensyarah
4. Meningkatkan kualiti sistem sokongan P&P serta menerapkan budaya berkongsi

PENYELIDIKAN, INOVASI & PENGKOMERSILAN

Objektif Strategik:

1. Menghasilkan tabir urus penyelidikan komprehensif menerusi pemantapan struktur pembangunan dan pengurusan
2. Menghasilkan dasar penyelidikan yang komprehensif serta garis panduan berkaitan penyelidikan dan inovasi
3. Memperkembangkan & menyemarakkan aktiviti penerbitan
4. Memperkukuhkan Entiti kecemerlangan, Pusat Kecemerlangan (CoE) dan Komuniti Penyelidikan (CoRE)
5. Memantapkan makmal penyelidikan dan instrumentasi sepunya
6. Meningkatkan jumlah graduan pasca-siswazah penyelidikan
7. Meningkatkan graduan pasca-siswazah yang memiliki daya kebolehpasaran dan yang berciri keusahawanan
8. Melestarikan budaya penyelidikan yang cemerlang berkonsepkan Research Garden
9. Meningkatkan perolehan geran penyelidikan dalam dan luar negara
10. Meningkatkan jumlah penerbitan berindeks dan berimpak tinggi
11. Memperkayakan harta intelek (IP)
12. Meningkatkan penajaan pendapatan melalui pengkomersilan produk/ teknologi R&D
13. Meningkatkan keterampilan maya & media massa yang menonjolkan kepakaran penyelidikan, perundingan

AKADEMIA, INDUSTRI & MASYARAKAT

Objektif Strategik:

1. Inisiatif kerjasama yang lestari bersama industri untuk menggalakkan penajaan pendapatan dan pembangunan modal insan
2. Mengoptimumkan kepakaran universiti untuk disumbangkan kepada masyarakat dalam usaha menaiktaraf kualiti hidup
3. Mempromosikan usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui kerjasama industri, alumni dan masyarakat

KEPIMPINAN

Objektif Strategik:

1. Menilai semula konsep kepimpinan agar lebih menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek pelan pengantian
2. Mewujudkan kumpulan pemikir dan Jawatankuasa Pemandu Pelan Pengantian Kepimpinan Universiti
3. Membangunkan instrumen yang spesifik untuk mengukur atribut kepimpinan

KEUSAHAWANAN

Objektif Strategik:

1. Menyokong agenda keusahawanan dan membantu UiTM menjadi Universiti keusahawanan berintensifkan penyelidikan
2. Menerapkan ciri-ciri dan kompetensi keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui kaedah pengajaran merentas kurikulum
3. Menawarkan program intervensi dan mewujudkan program berimpak tinggi kepada pelajar yang berkecenderungan tinggi
4. Melatih lebih ramai tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan bagi meningkatkan dan mengukuhkan kompetensi mereka

TERAS
01

Output:

- Aktiviti e-Pembelajaran meningkat
- Bilangan pelajar pasca-siswazah meningkat
- Graduan tamat dalam tempoh bertambah
- Kedudukan UiTM dalam penarafan universiti dunia meningkat
- Kepelbagaian akademia universiti meningkat
- Kepuasan graduan dan mahasiswa meningkat terhadap UiTM
- Pengambilan dan enrolmen pelajar bertambah

TERAS
02

Output:

- Hasil penajaan pendapatan am universiti meningkat (penerbitan)
- Kedudukan UiTM dalam penarafan universiti dunia meningkat
- Kepakaran staf akademik meningkat
- Penajaan dana dari hasil penyelidikan yang dikomersilkan
- CoE & HiCoE meningkat
- Research-preneur diwujudkan
- Skor MyRA meningkat
- Syarikat spin-off diwujudkan
- Tahap kepuasan pengurusan universiti terhadap staf meningkat

TERAS
03

Output:

- Aktiviti kolaborasi dan mobiliti peringkat antarabangsa meningkat
- Jaringan kerjasama penyelidikan dengan industri bertambah
- Jaringan alumni meningkat
- Kebolehpasaran graduan
- Kepakaran staf akademik meningkat
- Pengiktirafan staf akademik dalam P&P
- Peningkatan kolaborasi dengan universiti/ industri
- Program penglibatan masyarakat meningkat
- Sumbangan graduan UiTM terhadap Bumiputera Commercial & Industrial

TERAS
04

Output:

- Kebolehpasaran graduan
- Kepemimpinan staf meningkat
- Pemimpin pelajar yang berketrampilan
- Pengiktirafan staf akademik dalam P&P
- Peningkatan kolaborasi dengan universiti/ industri
- Tahap kecekapan pengurusan program/ projek Transformasi meningkat
- Tahap kepuasan pengurusan universiti terhadap staf meningkat
- Tahap kepuasan staf terhadap universiti meningkat

TERAS
05

Output:

- Aktiviti berteraskan keusahawanan meningkat



PENCAPAIAN

PERANCANGAN STRATEGIK InQKA 2017

UNIT WEB MEDIA

PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Cetakan Dasar Pengurusan Media Sosial UiTM edisi 2016

PENCAPAIAN
Telah dicetak Disember 2017



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Cetakan Dasar Pengurusan Laman Web Edisi 2016

PENCAPAIAN
Telah dicetak Disember 2017



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Manual Penghantaran artikel/berita ke UiTM News Hub

PENCAPAIAN
Antara muka bagi UiTM News Hub telah dinaik taraf dan lebih mesra pengguna



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Pembaharuan langganan Aplikasi Socio

PENCAPAIAN
Telah diperbaharui pada November 2017



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Penarafan Website oleh Organisasi Luar (ProBE-MAMPU)

PENCAPAIAN
Keputusan November 2017 - 3 bintang



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Memuat naik maklumat yang diterima daripada Jawatankuasa Projek Penarafan Universiti

PENCAPAIAN
Telah dimuat naik pada hari yang sama keputusan diperolehi.
1) QS AUR
2) QS by subject
3) QS Employability
4) QS Ads Campaign
5) QS WUR
6) SETARA



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Bengkel Pembangunan Laman Web Versi BM

PENCAPAIAN
Telah diadakan pada Januari 2017



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Laporan kaji selidik Laman Web Baharu

PENCAPAIAN
1. **Kaji selidik ringkas** telah dibuat pada bulan Januari
2. Kajian Kepuasan Pengguna Laman Web 2017 telah dijalankan dari bulan Jun - Ogos 2017



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Laporan Media Sosial

PENCAPAIAN
laporan Media Sosial Bulanan Januari - November 2017 telah disediakan



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Pemantauan Laman web dan Media Sosial UiTM - Audit Laman Sesawang & Media Sosial PTJ

PENCAPAIAN
1. **Pemantauan Laman Web** telah dibuat 2 kali : Januari dan Oktober 2017.
2. **Pengumpulan likers dan / atau followers** FB, Instagram dan Twitter dibuat setiap bulan.
Terkini : FB 498805, Twitter 7454 dan Instagram 5311



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Penambahbaikan UiTM News Hub
PENCAPAIAN
Templat, logo dan beberapa ciri baharu ditambah



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Pertandingan FB Paling Aktif Peringkat UiTM

PENCAPAIAN
Diganti dengan pertandingan follower paling aktif kategori pelajar



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Bengkel Pengurusan Web Security

PENCAPAIAN
Telah dilaksanakan pada Mei 2017



PENUNJUK PRESTASI UTAMA
Mesyuarat Perang Saraf UiTM

PENCAPAIAN
Telah diadakan pada Mac 2017

PENCAPAIAN WEB MEDIA

UNIT JAMINAN KUALITI DALAMAN (IQA)

A pink pencil is bent into a large loop. The eraser end is at the top, and the sharp lead tip points to the right. Inside the loop, there is a circled number 1 and some text.

①

Format laporan
yang lebih mudah
telah diguna
untuk Kitaran 4,
Sesi 1



A blue pencil is bent into a large loop. The eraser end is at the bottom, and the sharp lead tip points to the left. Inside the loop, there is a circled number 2 and some text.

②

Tempoh penghantaran
laporan kepada
PTJ juga lebih
pendek

UNIT SISTEM KUALITI DAN KECEMERLANGAN OPERASI

Sistem Kualiti (iQMS)




Kecemerlangan Operasi (OE)



UNIT KOMUNIKASI DAN PENGEMBANGAN ILMU




UNIT PENCAPAIAN DAN PENARAFAN



UNIT INOVASI DAN PENILAIAN KECEMERLANGAN



UNIT PENTADBIRAN AM





2018

**PERANCANGAN
STRATEGIK
InQKA**



PEJABAT PENOLONG NAIB CANSOLOR

09 
Pengurusan penyelidikan institusi
Bilangan proposal bagi setiap unit di InQKA

08 
Pengurusan kepuasan hati pelanggan
Bilangan SurveyMonkey yang disediakan

07 
Pelupusan rekod dan fail jabatan yang efektif
* Dokumen
* PB

06 
Kelulusan kertas kerja program InQKA yang cekap
Bilangan kertas kerja program InQKA

05 
Pengurusan pembayaran jabatan yang tepat
Bilangan PB/LO/GRN yang dikeluarkan

04 
Pengurusan jadual PNC
Bilangan temujanji yang dipehuni

02 
Pengurusan surat keluar yang efektif
Bilangan surat/dokumen keluar

03 
Pengurusan penggunaan kemudahan mesyuarat
Bilangan tempahan bilik mesyuarat InQKA

01 
Pengurusan surat masuk yang cekap dan tepat
Bilangan surat yang diterima untuk diambil tindakan



UNIT WEB MEDIA



Dasar/Dokumentasi/Tadbir Urus Kualiti

- Sesi Perundingan Laman Web PTJ
- SOP Penyediaan Elemen dalam Laman Web UiTM
 - Banner
 - Spotlight
 - Quick Information
 - VC's Corner
 - UiTM Branches
 - Google Maps
 - Footer
 - Kemaskini Maklumat Pengurusan Kanan
- Prosedur muat naik artikel/berita dalam UiTM News Hub
- Manual Penghantaran artikel/berita ke UiTM News Hub
- Manual Pembangunan Laman Web PTJ menggunakan Template UiTM
- Surat Iantikan Ahli Mesyuarat JPWM
- Pembaharuan langganan Aplikasi SOCIO



Kepuasan Pelanggan dari Jabatan/Kampus/Fakulti/ Pelajar/Ibu bapa/ Kementerian/Industri

- Langganan Setahun Keahlian Syarikat Penyediaan Template untuk laman web universiti
- Laporan Kaji selidik Laman Web Baharu
- Laporan Media Sosial



Pengurusan QS Star Rating bagi UiTM dan Pengurusan Penarafan QS WUR/THE/WUR/SETARA/ D'SETARA FAKULTI/ EMPLOYABILITY

- Memuat naik maklumat yang diterima daripada Jawatankuasa Projek Penarafan Universiti



Laman Web yang seragam

- Pemantauan Laman Web PTJ



Laman Media Sosial

- Pengurusan kandungan dan pengendalian aduan

UNIT WEB MEDIA



Facebook Page Promotion

- Meningkatkan Likers Facebook Rasmi UiTM Melalui Kaedah Page Promotion



Pembangunan Bakat, Ilmu dan Sumber

- Bengkel Pembangunan Laman Web (Beginners) menggunakan Joomla
- Bengkel Pembangunan Laman Web (Intermediate) menggunakan Joomla
- Mesyuarat & Bengkel Jawatankuasa Pengurusan Web Media
- Slot ceramah pembudayaan etika penggunaan media dalam talian secara berhemah (MDS)
- Kursus PHP & MySQL CRUD
- Kursus Laman Web Joomla untuk staf JWM
- Kursus Adobe Premiere
- Kursus Adobe Photoshop



Penerbitan Bercetak/ Elektronik

- Koleksi Penerbitan Elektronik InQKA
- Dokumentasi Pengisahan Tokoh Sejarahwan
- Penerbitan Ilmiah



Pengiktirafan Badan Penarafan

- Penarafan Website Oleh Organisasi Luar ProBE - MAMPU



Posting Harian Media Sosial

- Memuat naik bahan di Media Sosial Rasmi UiTM



Pesanan Hikmah

- Menerbitkan Video Berunsurkan Nasihat Dan Nilai Nilai Murni



Bicara Siswa 4.0

- Menerbitkan Program Bual Bicara Bersama Siswa UiTM



UiTM News Hub

- Penambahbaikan UiTM News Hub



Jumlah Likers Media Sosial

- Meningkatkan Jumlah Likers di Media Sosial
- Penarafan FB mengikut Peratus Penambahan Likers Peringkat PTJ
- Bengkel Keselamatan Web kepada Jabatan Web Media & Infrastruktur
- Bengkel Keselamatan Web kepada PTJ dengan kerjasama Jabatan Infrastruktur



UiTM Prihatin

- Pengurusan kandungan dan pengendalian aduan



FB Go Live Konvokesyen

- Melaporkan Istiadat Konvokesyen Secara Langsung di FB Live



Likers Tegar

- Penghargaan kepada Likers Facebook Rasmi UiTM

UNIT JAMINAN KUALITI DALAMAN (IQA)

UNIT JAMINAN KUALITI DALAMAN

01



PENJENAMAAN PENILAIAN KENDIRI

IQAR

(Internal Quality Assurance
Review)

UNIT JAMINAN KUALITI DALAMAN

02



MENAMBAHBAIK PROSES PENILAIAN KENDIRI

- 1) **Kajiselidik pelaksanaan penilaian sendiri**
- 2) **Tabletalk IQA (IQA Tour)**
- 3) **Handbook/Manual/Booklet (Infografik) IQA**
- 4) **Repository Pelaporan**
(ER, SRR, Dokumen Akreditasi, Laporan AKNC)
- 5) **Latihan/Bengkel Penulisan Laporan Penilaian**
(Sasaran peserta: KPP, Ketua Program, Koordinator, Penyelaras Program, Pensyarah)

UNIT JAMINAN KUALITI DALAMAN

03



AKREDITASI PROGRAM

- 1) **Laporan Penilaian Status Swaakreditasi**
- 2) **Penilaian Program Deemed Accredited**
- 3) **Penilaian Akreditasi Program yang dinilai oleh Badan Profesional yang diiktiraf (Deemed Accredited)**
- 4) **Penilaian Akreditasi Program Sedia Ada dan Program Baru**
- 5) **Penilaian Akreditasi Program yang dinilai oleh Badan Profesional yang diiktiraf**
- 6) **Pendaftaran Program Dalam Daftar MQA (MQR)**
- 7) **Pembangunan Sistem Pengkalan Data**
- 8) **Latihan/Bengkel Kepada Potential Panel Penilai Dalam**

UNIT SISTEM KUALITI DAN KECEMERLANGAN OPERASI

Sistem Kualiti



- 1) **Transisi dokumentasi ke arah ISO 9001:2015 peringkat universiti**
 - Sijil ISO 9001:2015
 - Bilangan dokumen ISO 9001:2015 korporat dan PTJ lain universiti
- 2) **Audit Dalam Korporat**
 - Bilangan Audit Dalam ISO 9001:2015 dilaksanakan
- 3) **Staf diberi latihan berkaitan kualiti**
 - Bilangan latihan yang dijalankan
- 4) **Dokumen Kualiti dan Dokumen Sokongan InQKA digubal**
 - Bilangan dokumen SPK digubal dan ditambahbaik
- 5) **Pemantauan ke atas dokumen SPK universiti yang belum siap (tahun 2017)**
 - Bilangan PTJ yang telah menyiapkan dokumen SPK versi ISO 9001:2015

UNIT SISTEM KUALITI DAN KECEMERLANGAN OPERASI

Kecemerlangan Operasi



- 1) **Pengemaskinian Sistem OPIR**
 - Sistem OPIR dikemaskini
 - Bilangan latihan penggunaan Sistem OPIR
- 2) **Pemakaian kaedah DMAIC dalam penambahbaikan proses**
 - Bilangan proses baru yang didaftarkan di dalam OPIR
 - Bilangan proses yang dikenalpasti untuk penambahbaikan
 - Bilangan proses yang ditambahbaik
- 3) **Penilaian proses kerja oleh Panel Penilai**
 - Bilangan proses yang dinilai, dipertimbangkan dan dipilih untuk Anugerah OE
- 4) **Simposium / Konvensyen**
 - Bilangan peserta Simposium/Konvensyen
- 5) **Kursus Kecemerlangan Operasi**
 - Tiga (3) siri latihan diadakan



UNIT KOMUNIKASI DAN PENGEMBANGAN ILMU

DASAR / DOKUMENTASI / TADBIR URUS KUALITI

- 1) Bilangan Template web InQKA yang lengkap diterima
- 2) Bilangan berita program InQKA yang dimuatnaik
- 3) Bilangan dokumen InQKA diterbitkan samaada dengan nombor ISBN atau CC (Creative Common)

01



PERCETAKAN / PIALA / REKABENTUK PENERBITAN

Bilangan promosi Program InQKA

03



PROGRAM "KNOWLEDGE ADVANCEMENT"

Bilangan kehadiran peserta

05



02

PEMBUDAYAAN KUALITI

Bilangan kempen/promosi kualiti inovasi



04

KEPUASAN HATI PELANGGAN

Tahap kepuasan hati pelanggan

UNIT PENCAPAIAN DAN PENARAFAN



PENGURUSAN DATA PENCAPAIAN DAN PENARAFAN

Penunjuk Prestasi Utama

- Sistem Pangkalan Data Penarafan, U-IRIS


PENGURUSAN PENARAFAN QS/THE/SETARA/FAKULTI/ EMPLOYABILITY

Penunjuk Prestasi Utama

- Pacuan KPI
 - Kedudukan Penarafan
- Pengumpulan database untuk penghantaran data ke QS
 - Skor Employer reputation
 - Skor/kedudukan QS Employability
- UiTM Ranking & Rating Webpage
 - Bilangan penerbitan
- Ketampakan peringkat antarabangsa berimpak tinggi
 - Peningkatan skor academic peers QS by Subject (dan seterusnya skor untuk QS AUR)
- Intervensi Proses
 - Permasalahan yang memberi impak kepada penarafan dicadang untuk penyelesaian:
 - a) Bilangan penerbitan tahun 2018
 - b) Bilangan sitasi terkumpul (2013-2018)
 - c) Bilangan staf menamatkan pengajian PhD
- Kempen visibility UiTM
 - Jumlah kempen yang dikeluarkan



UNIT INOVASI DAN PENILAIAN KECEMERLANGAN



UNIT PENTADBIRAN AM

1 Pengurusan bajet 2018 yang efisien

- Peratus peruntukan yang dibelanjakan
- Had jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk elaun lebih masa staf pentadbiran



2 Manual Prosedur Kerja yang mantap

- Manual Prosedur Kerja InQKA selesai dikemaskini



3 Ruang Pejabat yang kondusif

- Kerja-kerja pengubahsuaian selesai



4 Kepuasan Peserta terhadap penganjuran program oleh InQKA

- Pengendalian Latihan/Consultancy



5 Sistem sokongan yang padu

- Peratus bajet keperluan peralatan ICT, alat tulis pejabat dan alat tulis komputer di belanjakan



6 Staf yang terlatih

- Bilangan program latihan staf InQKA



7 Pemantapan perancangan pengurusan InQKA

- Program Perancangan Strategik InQKA dilaksanakan



8 Penggunaan Aplikasi Turnitin secara berkesan

- Bilangan latihan yang dikendalikan/diselia



9 Pengurusan Anugerah Kualiti Naib Canselor yang efisien

- Bilangan program yang dikendalikan



10 Pengurusan bayaran kepada pemenang yang cekap

- Peratus bayaran yang dibuat dalam tahun yang dinilai



Mekanisma Pemantauan dan Pelaksanaan

Bagi melaksanakan perancangan strategik InQKA, tatacara pelaksanaan dan pemantauan perancangan strategik telah dibentuk. Perkara-perkara berikut akan dipantau oleh Penolong Naib Canselor InQKA dan melalui laporan mingguan di Mesyuarat pengurusan InQKA (MPI) dan semakan pencapaian pada pertengahan tahun.

Sasaran setiap unit yang dicapai, dilapor, dipantau dan ia seterusnya terpaut secara langsung kepada staf yang terlibat menerusi SKT dan LNPT masing-masing. Dengan ini InQKA mengamalkan *Closing the Loop* bagi peringkat individu staf, unit dan jabatan serta turut akhirnya menyumbang kepada pencapaian KPI UiTM yang dipautkan kepada InQKA.



Rumusan

Perancangan Strategik InQKA 2018 adalah suatu usaha yang berterusan agar pencapaian visi dan misi UiTM terhasil dan mendokong 10 lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Agenda Utama Universiti 1 UiTM, Multisistem.

Perancangan Strategik ini akan menjadi panduan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tahunan InQKA yang boleh membawa kepada pencapaian Sasaran Petunjuk Prestasi (KPI) yang ditetapkan bagi setiap objektif. Perancangan dan penambahbaikan akan dilakukan untuk memastikan semua objektif dan KPI yang ditetapkan akan dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2, 40450, Shah Alam, Selangor
Tel: +603 5543 5702 Fax: +603 5543 5721
<http://inqka.uitm.edu.my/>

